

Headline	Ombak Merah boleh sebabkan kematian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Sep 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	8	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,124
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,372



'Ombak Merah' boleh sebabkan kematian

Tumpat: Alga beracun spesies 'Alexandrium Minutum' atau dirujuk sebagai fenomena 'Ombak Merah' yang dikesan di Pantai Geting di sini sejak tahun lalu yang boleh menyebabkan keracunan dan kematian, kini didapati merebak 40 kali ganda daripada paras sepatutnya.

Alga itu turut mengeluarkan toksin berbahaya dan sangat tahan haba dikenali 'Saxitoxin' hingga menyebabkan keracunan pada spesies kerang dan lokan. Mereka yang makan kerang atau lokan mengandungi toksin itu akan kebas mulut dan lidah, sesak nafas, lumpuh otot serta boleh membawa kematian.

Air laut kelihatan merah

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Mahir pada sidang media di sini semalam, berkata ledakan Ombak Merah atau nama saintifiknya *Harmful Algal Bloom* muncul dalam jumlah yang banyak menyebabkan air laut kelihatan merah atau coklat kemerahan.

"Menerusi laporan rasmi daripada Jabatan Perikanan negeri, Sungai Geting dikesan ada ledakan Ombak Merah di mana kandungan dalam lokan berada dalam julat 3,000 mikrogram per 100 gram (g) tisu. Paras sepatutnya ialah 80 mikrogram per 100g tisu," katanya.

Fenomena itu mendapat perhatian Stesen Penyelidikan Universiti Malaya (UM) yang menjalankan uji kaji sejak tahun lalu, diketuai Prof Dr Lim Po Teen yang mendapati pertumbuhan alga itu kian bertambah disebabkan persekitaran serta aktiviti manusia sehingga peningkatan komposisi nutrien dalam air.

Po Teen berkata, fenomena itu yang kali kedua berlaku di Sungai Geting selepas kali pertama pada tahun 2001 yang menyebabkan enam penduduk keracunan dan seorang meninggal dunia, akan hilang bergantung kepada pengaliran serta pertukaran air laut sebelum spesies kerang boleh dimakan selepas sebulan kemudian.